

**NO. SOALAN : 349**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan selain daripada menjalankan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), apakah Kementerian dapat memberikan perhatian kepada kawasan yang berhampiran sungai untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan yang menarik sekali gus dapat membantu meningkatkan ekonomi rakyat tempatan, sebagai contoh di Sungai Baling mempunyai pemandangan yang cukup indah.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sememangnya memberi perhatian kepada kawasan berhampiran sungai dan kawasan berpotensi lain di dalam Pelan Ekopelancongan 2016 - 2025. Melalui Kementerian, beberapa kawasan berhampiran sungai telah ditransformasikan kepada tempat pelancongan unggul seperti di Sungai Melaka dan Sungai Sedim, Kedah.

Kementerian sentiasa menyokong usaha untuk merangsang pertumbuhan sektor pelancongan di Negeri Kedah secara amnya dan Baling khususnya. Bagi tujuan tersebut, pihak Kerajaan Negeri Kedah melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) boleh mengemukakan cadangan pembangunan kepada Kementerian untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Sekian, terima kasih.